

DASAR AM

Mengikut dasar Crown Holdings, Inc. dan syarikat subsidiarinya, setiap pengarah, pegawai dan pekerja hendaklah pada setiap masa dan dalam semua cara menghormati dan mematuhi maksud yang tersurat dan tersirat undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa dan bahawa setiap pekerja hendaklah berusaha untuk mematuhi standard tertinggi etika, kemoralan, kejujuran dan kesopanan semasa menjalankan kewajipan kerjanya.

DASAR KHUSUS

Untuk memastikan bahawa setiap pekerja mematuhi Dasar Am, Crown telah mengguna pakai beberapa dasar khusus, yang ditetapkan di bawah. Walaupun dasar khusus tidak meliputi segala situasi yang mungkin dihadapi oleh seseorang pekerja, mereka menangani isu tertentu yang mungkin berlaku. Jika mana-mana pekerja mempunyai apa-apa soalan tentang sama ada kelakuan tertentu adalah sah atau dalam keadaan sebaliknya memenuhi standard Crown, pekerja tersebut hendaklah segera bertanya kepada penyelia, pengurus kilang atau Jabatan Perundangannya dalam Bahagian anda. Melainkan dimaklumi sebaliknya, dasar khusus dan rujukan kepada Crown atau “pekerja” syarikat dikenakan kepada setiap pekerja, pegawai dan pengarah Crown Holdings, Inc. dan subsidiarinya. Crown akan melaksanakan dasar khusus secara yang selaras dengan undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa Crown Holdings, Inc. dan subsidiarinya menjalankan perniagaan.

DASAR TENTANG KONFLIK KEPENTINGAN DAN PELUANG KORPORAT

Dasar Crown telah menetapkan larangan daripada konflik kepentingan, kecuali telah dibenarkan oleh Lembaga Pengarah. “Konflik kepentingan” berlaku apabila kepentingan peribadi individu mengganggu kepentingan Crown. Situasi yang berkonflik boleh berlaku apabila seseorang pekerja, pegawai atau pengarah mengambil tindakan atau mempunyai kepentingan yang mungkin menyukarkannya untuk menjalankan kerja secara objektif dan berkesan untuk Crown; sebagai contoh, jika dia mempunyai peranan dalam sesebuah organisasi yang berurusan dengan atau bersaing dengan Crown. Konflik kepentingan boleh juga berlaku apabila seseorang pekerja, pegawai atau pengarah, atau ahli keluarganya, menerima manfaat peribadi secara tidak wajar hasil daripada kedudukannya dalam syarikat tersebut. Mana-mana pekerja, pegawai atau pengarah Crown, yang mempunyai soalan tentang konflik kepentingan yang mungkin berlaku hendaklah merujuk dengan Jabatan Perundangan dalam Bahagian anda.

Peluang Korporat

Pekerja Crown bertanggungjawab untuk mendahului kepentingan sah Crown apabila peluang tersebut timbul dan dilarang daripada:

- mengambil peluang yang ditemui melalui harta, maklumat atau kedudukan korporat demi kepentingan peribadinya;
- menggunakan harta, maklumat atau kedudukan korporat untuk keuntungan peribadi; dan
- bersaing dengan Crown.

Perlindungan dan Penggunaan Aset Syarikat

Pekerja Crown hendaklah berikhtiar untuk melindungi aset syarikat dan memastikan penggunaannya yang cekap. Kecurian, kelalaian dan pembaziran mempunyai kesan langsung terhadap keberuntungan syarikat. Harta Crown, termasuk komputer dan maklumat elektronik serta sistem dan fail komunikasi, hendaklah digunakan hanya untuk tujuan perniagaan yang wajar dan untuk kegunaan, akses dan aktiviti yang dibenarkan oleh penyelia pekerja.

DASAR PERDAGANGAN SEKURITI

Perdagangan dalam saham atau sekuriti lain syarikat yang diniagakan secara awam atau memberikan “tip” kepada orang lain berdasarkan maklumat penting bukan awam adalah dilarang berdasarkan undang-undang A.S. dan secara umum dilarang di negara lain, dan hendaklah dielakkan dengan sedaya upaya meskipun bayangan bahawa mana-mana pekerja Crown yang membeli atau menjual saham Crown atau sekuriti lain (seperti sekuriti pelanggan atau pembekal Crown) melakukannya untuk memperoleh keuntungan daripada maklumat dalaman tersebut. Pekerja Crown tidak dibenarkan untuk menggunakan atau berkongsi maklumat penting bukan awam untuk tujuan perdagangan saham. Undang-undang A.S. yang berkenaan dengan perdagangan orang dalam dikenakan bukan sahaja kepada saham Crown yang dimiliki secara langsung oleh pekerja Crown dan keluarga terdekat mereka, bahkan juga kepada saham Crown dalam apa-apa akaun faedah atau persaraan pekerja apabila pekerja mempunyai hak atau keupayaan untuk mengarahkan pelaburannya.

Maklumat dalaman tidak mudah ditakrifkan, tetapi secara umum bermakna maklumat bukan awam yang akan dipertimbangkan oleh pelabur yang wajar semasa membuat keputusan tentang membeli, menahan atau menjual saham dalam syarikat yang diniagakan secara awam. Memandangkan standard ini boleh jadi tidak tepat, amalkan sikap berhati-hati dengan tidak berdagang untuk memastikan tiada gambaran sekalipun berlakunya kelakuan yang tidak wajar.

Crown menggalakkan pekerjajaya untuk melabur dalam saham Crown untuk jangka panjang. Perdagangan spekulatif jangka pendek, oleh pekerja Crown terutamanya boleh menimbulkan gambaran kemungkinan berlakunya perdagangan orang dalam. Oleh itu, dasar Crown amat tidak menggalakkan perdagangan jangka pendek dalam saham Crown.

Untuk mengekalkan pematuhan dengan Dasar Perdagangan Sekuriti Crown, Crown menghendaki mana-mana pekerja yang secara umum mempunyai akses kepada maklumat penting bukan awam, meskipun orang tersebut tidak mempunyai akses kepada maklumat yang sedemikian pada masa pembelian atau jualan yang difikir-fikirkan, untuk mendapatkan kelulusan ke atas apa-apa perdagangan dari Jabatan Perundangan terlebih awal daripada perdagangan yang

sebenar. Mana-mana pekerja Crown yang mempunyai soalan tentang kewajaran kelakuannya mengikut dasar ini hendaklah mendapatkan nasihat daripada Jabatan Perundangan Crown.

Memandangkan Crown ialah pengeluar yang tertakluk kepada undang-undang peraturan sekuriti Amerika Syarikat, larangan terhadap perdagangan orang dalam yang melibatkan saham Crown dikenakan kepada pekerja, ejen, pengurus, pegawai dan pengarah Crown di seluruh dunia.

DASAR BERKENAAN URUSAN DI LUAR NEGARA

Sekatan

Crown mesti mematuhi program dan undang-undang sekatan ekonomi dan perdagangan yang berlaku. Sebagai contoh, Pejabat Kawalan Aset Asing A.S. menguatkuasakan sekatan A.S. di dalam menjalankan perniagaan dengan negara, entiti dan individu tertentu.

Antiboikot

Crown mesti mematuhi undang-undang antiboikot yang berkuat kuasa. Sebagai contoh, undang-undang antiboikot A.S. secara umum melarang syarikat A.S dan subsidiarinya di seluruh dunia daripada bekerjasama dengan boikot antarabangsa yang kerajaan A.S. tidak meletakkan sekatan. Boikot berlaku apabila seseorang atau sekumpulan orang enggan menjalankan perniagaan dengan orang atau negara lain yang tertentu.

Undang-Undang Kawalan Eksport

Crown mesti mematuhi semua undang-undang kawalan eksport negara dan multinasional yang berkuat kuasa. Sebagai contoh, undang-undang kawalan eksport A.S. dikenakan kepada eksport dan eksport semula barangan dan teknologi A.S. Di bawah keadaan yang tertentu, undang-undang ini melarang syarikat A.S. dan subsidiari syarikat A.S., termasuk syarikat yang terletak di luar Amerika Syarikat, daripada berurusan secara langsung atau tidak langsung dengan negara-negara tertentu berhubung dengan transaksi yang tertentu. Mana-mana pekerja Crown, yang mempunyai soalan berkenaan dengan pelaksanaan sekatan, undang-undang antoboikot atau kawalan eksport hendaklah merujuk dengan Jabatan Perundangan dalam Bahagian anda.

DASAR ANTIRASUAH

Tiada pekerja, pegawai, pengarah atau pihak ketiga bebas Crown yang bertindak bagi pihak syarikat boleh membayar, menawarkan atau berjanji untuk membayar atau membenarkan pembayaran kepada mana-mana pihak, awam atau peribadi, di mana-mana negara, untuk memperoleh manfaat secara tidak wajar untuk syarikat. Mahupun menerima atau meminta pembayaran yang sedemikian. "Pembayaran" termasuk membuat rasuah atau sogokan, serta memberikan apa-apa yang bernilai, sama ada yang ketara atau tidak ketara (*cth.*, hadiah, keraian,

perbelanjaan perjalanan, derma badan amal, sumbangan politik, menggajikan seseorang individu atau saudara-mara).

[Lihat CROWN sijil perakuan Anti-Rasuah dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram.](#)

Hadiah, Derma, Keraian dan Pertolongan

Crown memaklumi bahawa pertukaran hadiah sebagai tanda budi bahasa perniagaan, seperti hadiah, jamuan dan keraian yang sederhana (termasuk jemputan untuk menghadiri acara sukan atau pesta percutian), adalah amalan yang lazim dilakukan yang bertujuan untuk mewujudkan muhibah dan menjalinkan kepercayaan dalam perhubungan. Oleh itu, dasar ini bukan bertujuan untuk menghalang pemberian atau penerimaan tanda budi bahasa lazim ini, selagi nilai ganjarannya adalah nominal berhubung dengan keadaan ganjaran itu ditawarkan dan menerima atau mengikut amalan perniagaan yang diterima umum oleh negara dan industri serta tidak bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan orang yang terlibat. Pekerja hendaklah mengelakkan apa-apa kelakuan yang mewujudkan tanggapan yang tidak wajar sekalipun. Pekerja yang ditawarkan atau menerima hadiah yang bersifat dapat melanggar dasar ini hendaklah menolak atau mengembalikan hadiah itu dengan berhemah.

Tiada pekerja Crown boleh memberi atau menerima apa-apa yang bernilai lebih besar daripada nominal kepada atau daripada mana-mana pelanggan, pembekal, vendor semasa atau bakal, pegawai awam atau parti politik atau orang lain dalam jawatan yang serupa. Pemberian atau penerimaan hadiah wang tunai (termasuk yang bersamaan dengan wang tunai seperti saham atau bon), pinjam peribadi, diskaun atau apa-apa hadiah atau pertolongan lain yang boleh dianggap sebagai rasuah atau sogokan atau pembayaran haram atau tidak beretika yang lain adalah dilarang keras tanpa mengira nilainya. Selain itu, pekerja Crown tidak boleh meminta hadiah, ganjaran atau jamuan atau jemputan keraian daripada sesiapa yang berurusan atau sedang berunding untuk berurusan dengan Crown. Di bawah apa-apa keadaan sekalipun dana korporat Crown tidak boleh digunakan secara haram untuk apa-apa bentuk sumbangan politik.

Dasar ini bertujuan untuk dikenakan kepada semua pekerja, pegawai dan pengarah Crown dan mana-mana ahli keluarga terdekat mereka, serta pihak ketiga bebas yang bertindak bagi pihak syarikat, termasuk ejen, pengedar, perunding, kontraktor, pelobi pihak ketiga, dan rakan usaha sama bersama Crown. Sila rujuk Buku Kecil Dasar Antirasuah Crown untuk mendapatkan maklumat terperinci dan contoh isu yang mungkin berlaku. Jika seseorang yang dilindungi mempunyai apa-apa soalan tentang penggunaan dasar ini, orang tersebut hendaklah mendedahkan keadaan yang terlibat dan mendapatkan kebenaran daripada Presiden Bahagian relevan atau dari Jabatan Perundangan Crown.

DASAR ANTITRUST DAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Crown bersaing dengan bersungguh-sungguh, secara adil dan secara bebas untuk perniagaan mengikut setiap cara yang beretika dalam setiap bidang daripada setiap pasaran untuk produk Crown. Undang-undang antitrust dan persaingan bagi negara yang Crown menjalankan perniagaan adalah asas perusahaan bebas persaingan.

Crown menghendaki semua pekerja mematuhi sepenuhnya dengan undang-undang antitrust dan persaingan bagi negara yang Crown menjalankan perniagaan. Adalah haram di A.S. dan di banyak negara lain yang Crown menjalankan perniagaan untuk mengikat perjanjian, pemahaman atau perbincangan dengan mana-mana pesaing kami berhubung dengan: harga atau diskaun; terma dan syarat jualan, termasuk tempoh kredit; keuntungan, margin keuntungan atau kos; syer pasaran; amalan atau saluran pengedaran; bida atau niat untuk membida; pengembangan kapasiti atau memasuki pasaran baharu; pemilihan, pengelasan, penolakan atau penamatan pelanggan atau kelas pelanggan; wilayah atau pasaran jualan; pertukaran maklumat berdaya saing; atau apa-apa ketakselarasan lain dengan kebebasan penuh untuk bertindak dan bebas daripada syarikat semasa menjalankan urusannya.

Presiden Bahagian dan Timbalan Presiden Jualan dan Jabatan Perundangan berkongsi komitmen Crown untuk mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan. Sila rujuk mereka itu sebelum menawarkan diskaun, rebat, elaun atau pelarasan harga lain atau terma dan syarat jualan yang berbeza kepada pelanggan yang berbeza untuk produk yang sama atau jika anda mempunyai apa-apa soalan atau kebimbangan dan pada bila-bila masa anda perlukan bantuan dalam memahami atau mematuhi dasar ini.

DASAR ALAM SEKITAR, KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Crown memaklumi bahawa perlindungan kesihatan manusia dan alam sekitar adalah amalan perniagaan wajar yang memelihara sumber dan melindungi pekerja, pelanggan, orang awam dan alam sekitar. Setiap pekerja Crown berkongsi tanggungjawab ini untuk memastikan kejayaan jangka panjang Crown.

Untuk melaksanakan dasar ini, Crown dan pekerjanya akan:

- Menyatakan kesanggupan kepada kepimpinan dengan mengendalikan perniagaan Crown selaras dengan semua keperluan kawal selia dan standard dan dasar alam sekitar, kesihatan dan keselamatan Crown.
- Mengukuhkan budaya alam sekitar, kesihatan dan keselamatan proaktif Crown dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan semua peringkat pekerja dan menyatakan kesanggupan untuk melindungi dan menjaga kesejahteraan setiap pekerja.
- Menggalakkan pencegahan pencemaran dengan penekanan terhadap pengurangan sumber dan pemuliharaan sumber serta menyertakan pertimbangan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan dalam kriteria yang diambil kira semasa menilai projek, produk, proses dan pembelian.
- Menghendaki setiap pekerja untuk bertanggungjawab ke atas pelaksanaan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan diri mereka sendiri, rakan sekerja dan syarikat.

- Menilai prestasi dan program alam sekitar, kesihatan dan keselamatan serta berjanji untuk membuat penambahbaikan berterusan ke arah matlamat sasaran kemalangan sifar dan kesan sifar.

DASAR TENTANG RAHSIA PERDAGANGAN DAN MAKLUMAT SULIT

Maklumat Perniagaan

Pekerja Crown berurusan pada setiap hari dengan maklumat tentang syarikat dan perniagaannya. Maklumat ini termasuk rancangan perniagaan, proses pengilangan dan maklumat teknologi, pemasaran dan harga, senarai pelanggan dan rancangan untuk perniagaan dan usaha sama baharu. Perniagaan Crown boleh rosak jika maklumat ini didedahkan kepada pesaing atau kepada sesiapa yang berada di luar syarikat.

Setiap pekerja Crown hendaklah mengandaikan bahawa semua maklumat tersebut adalah sulit (kecuali dalam keadaan apabila Crown telah mendedahkan maklumat dalam laporan yang diterbitkan atau apabila pekerja boleh dalam keadaan sebaliknya mengesahkan bahawa maklumat tersebut telah diketahui umum). Begitu juga, setiap pekerja Crown hendaklah mengandaikan bahawa semua maklumat yang didedahkan kepada Crown oleh pelanggan dan pembekalnya adalah sulit (kecuali dalam keadaan apabila pelanggan atau pembekal telah membenarkan secara eksplisit terhadap pendedahannya atau pekerja boleh dalam keadaan sebaliknya mengesahkan bahawa maklumat tersebut telah diketahui umum). Setiap pekerja Crown bertanggungjawab, semasa dan selepas pekerjaannya, untuk memastikan semua maklumat sulit kekal dirahsiakan, untuk menahan diri daripada mendedahkan apa-apa maklumat yang sedemikian kepada sesiapa yang berada di luar syarikat tanpa mendapat kebenaran syarikat terlebih dahulu, dan untuk menahan diri daripada menggunakan maklumat tersebut untuk apa-apa tujuan selain daripada menjalankan kewajibannya kepada syarikat, kecuali apabila pendedahan itu diperlukan oleh undang-undang yang berkuat kuasa. Tiada apa-apa dalam dasar ini atau apa-apa perjanjian lain dengan Crown berkenaan dengan hal-hal kerahsiaan akan menghalang mana-mana pekerja Crown daripada melaporkan pelanggaran kepada pihak berkuasa kerajaan, atau membuat pendedahan lain, yang dilindungi di bawah peruntukan pemberitahu maklumat bagi undang-undang yang berkuat kuasa.

Maklumat Peribadi

Data peribadi akan diambil dan dikekalkan secara sulit yang memastikan data boleh diakses hanya mengikut undang-undang yang berkuat kuasa dan hanya tersedia kepada individu yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk mengetahui data tersebut.

DASAR PELUANG PEKERJAAN SAMA RATA, DISKRIMINASI, DAN GANGGUAN

Semua pekerja mempunyai hak untuk dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah, dan oleh itu perlu bekerja dalam persekitaran yang bebas daripada semua bentuk diskriminasi pekerjaan yang menyalahi undang-undang, termasuk gangguan seksual dan gangguan berdasarkan bangsa, warna kulit, negara asal, asal keturunan, kewarganegaraan, kerakyatan,

agama, umur, jantina, jantina orientasi seksual, identiti jantina atau ekspersi jantina, ketakupayaan fizikal atau mental, maklumat genetik, perkhidmatan berpakaian seragam, status veteran atau apa-apa ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang, ordinan atau peraturan yang berkaitan. Oleh itu, dasar Crown berkenaan diskriminasi yang menyalahi undang-undang, termasuk gangguan dalam apa-apa bentuk ini, terhadap pekerja oleh penyelia, rakan sejawat, vendor atau pelanggan mereka adalah dilarang keras. Kelakuan tersebut tidak ada sebab mahupun akan ditoleransi dan hendaklah dilaporkan dengan segera sebagaimana yang digariskan dalam dasar ini. Dasar Crown juga tidak membenarkan diskriminasi terhadap mana-mana pemohon pekerjaan berdasarkan apa-apa perkara yang telah diterangkan di atas.

Untuk tujuan dasar ini, gangguan ditakrif sebagai kelakuan secara lisan atau fizikal yang merendahkan atau menunjukkan permusuhan atau kebencian terhadap seseorang individu atas apa-apa sebab yang disenaraikan di atas dan bahawa:

- mempunyai tujuan atau kesan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang menakut-nakuti, bermusuhan atau menyakiti hati;
- mempunyai tujuan atau kesan untuk mengganggu secara tidak wajar terhadap prestasi kerja seseorang individu; atau
- dalam keadaan sebaliknya mempengaruhi peluang pekerjaan seseorang individu.

Beberapa contoh gangguan tersebut adalah: menggunakan nama julukan, sindiran atau stereotaip yang negatif; mengancam, mengintimidasi atau melibatkan diri dalam kelakuan bermusuhan yang berkaitan dengan ciri yang dilindungi; jenaka atau gurauan yang disengajakan; meletakkan pada dinding, papan buletin atau di tempat-tempat lain di dalam kawasan syarikat (atau mengedarkan dalam tempat kerja melalui apa-apa media) secara lisan, bertulis atau bahan grafik yang merendah-rendahkan atau menunjukkan rasa permusuhan atau kebencian ke atas seseorang atau kumpulan kerana sesuatu ciri yang dilindungi.

DASAR TENTANG BERURUSAN SECARA ADIL DAN JUJUR DALAM LAPORAN DAN REKOD

Pekerja Crown hendaklah berikhtiar untuk berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal, pesaing dan pekerja syarikat. Pekerja Crown dilarang daripada mengambil kesempatan yang tidak adil ke atas sesiapa melalui manipulasi, penyembunyian, salah gambaran fakta penting atau apa-apa amalan lain yang tidak adil.

Pekerja Crown tidak akan mewujudkan, mengekalkan atau menyerahkan rekod, laporan atau pernyataan yang tidak tepat, palsu atau mengelirukan. Semua pekerja Crown mempunyai kewajipan yang pasti untuk memastikan bahawa apa-apa pernyataan atau perwakilan yang dibuat bagi pihak Crown adalah benar dan jujur. Walaupun dasar ini dikenakan kepada semua komunikasi yang dibuat atas nama Crown, sangat kritikal berkenaan dengan apa-apa pernyataan, surat atau dokumen yang ditujukan kepada, atau mungkin diharapkan oleh, mana-mana agensi kerajaan.

Pemalsuan dalam rekod, serahan atau pernyataan, ialah jenis kelakuan yang sangat berkemungkinan menyebabkan pelanggaran terhadap undang-undang, serta gambaran berlakunya perkara yang tidak wajar. Individu yang menggantikan atau bertanggungjawab ke atas atau yang membuat pernyataan kepada agensi kerajaan atau kawal selia mesti berhati-hati untuk memastikan agar rekod atau pernyataan tersebut adalah tepat. Dalam hal yang sedemikian, sebaik-baiknya sentiasa amalkan sikap jujur dan mengakui kejahilan sekiranya itu sebenarnya yang berlaku daripada membuat spekulasi. Begitu juga, pekerja Crown hendaklah sentiasa memeriksa fakta untuk memastikan fakta itu tepat daripada memberikan maklumat atau laporan kepada agensi kerajaan atau kawal selia berdasarkan tekaan atau andaian.

DASAR BERKENAAN PELAPORAN KEWANGAN

Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, Pengawal Crown Holdings, Inc. dan semua ahli Jabatan Kewangan dengan tanggungjawab pelaporan kewangan akan:

- terlibat dalam dan menggalakkan kelakuan yang jujur dan beretika, termasuk pengendalian secara beretika terhadap konflik kepentingan yang sebenar atau nyata antara perhubungan peribadi dan profesional;
- menggalakkan pendedahan yang penuh, adil, tepat, menepati waktu dan boleh difahami dalam laporan dan dokumen yang difailkan oleh Crown dengan, atau menyerahkan kepada, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa U.S. dan dalam komunikasi awam yang lain;
- mematuhi undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa;
- melaporkan dengan segera apa-apa pelanggaran terhadap Tatakelakuan Perniagaan dan Etika ini kepada Penasihat Undang-Undang atau apa-apa hubungan yang disenaraikan dalam ini; dan
- dipertanggungjawabkan ke atas pematuhan mereka kepada perkara yang di atas.

KEWAJIPAN PEKERJA

Semua pekerja Crown, daripada pengurusan eksekutif kepada pengurusan kilang kepada pekerja yang bekerja mengikut jam dan pekerja sambilan, dikehendaki mematuhi dasar yang ditetapkan dalam Tata ini. Seterusnya, semua pekerja Crown mesti mematuhi semua undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa sepanjang masa, tanpa mengira amalan setempat atau industri yang berlaku di mana-mana kawasan itu. Apa-apa kegagalan untuk mematuhi dasar ini boleh menyebabkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemecatan.

Mana-mana pekerja Crown yang mempunyai soalan tentang sama ada tindakan tertentu yang sedang difikir-fikirkan, atau situasi yang beliau terlibat, mungkin tidak selaras dengan dasar syarikat atau mungkin tidak wajar atas apa-apa alasan lain, hendaklah mengemukakan soalan dengan penyeliannya, pengurus kilang atau Pejabat Pematuhan dan menyelesaikannya sebelum mengambil tindakan atau membenarkan situasi itu berlarutan.

PROSEDUR PEMATUHAN DAN PELAPORAN

Kakitangan pengurusan yang tertentu akan dikehendaki menyerahkan pengesahan bertandatangan secara berkala untuk mengesahkan bahawa beliau telah biasa dengan dasar-dasar Tatakelakuan Perniagaan dan Etika Crown dan telah mematuhi serta tidak memaklumi tentang apa-apa pelanggaran terhadap dasar tersebut. Jika mana-mana pekerja yang memaklumi tentang apa-apa pelanggaran terhadap Tata ini mesti segera melaporkan pelanggaran tersebut kepada penyeliaanya, pengurus kilang atau Pejabat Pematuhan.

Mana-mana pekerja yang melaporkan sesuatu pelanggaran akan dilayan dengan bermaruah dan rasa hormat serta tidak akan tertakluk kepada apa-apa bentuk disiplin atau tindakan balas bagi laporan yang dibuat secara suci hati. Mana-mana pekerja yang percaya bahawa beliau telah dilayan secara tidak adil kerana membuat laporan tersebut hendaklah melaporkan perkara ini kepada Pejabat Pematuhan Korporat atau Bahagian. Sesiapa yang didapati membuat tindakan balas atau dalam apa-apa cara telah menghukum pekerja lain kerana melaporkan sesuatu pelanggaran secara suci hati akan tertakluk kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemecatan.

Pegawai Pematuhan

Crown telah melantik Pegawai Pematuhan yang berikut:

Bahagian Korporat dan Benua Amerika

Adam Dickstein
Timbalan Presiden Kanan, Penasihat Undang-Undang dan Stragegi Koprak

Michael Rowley
Penolong Ketua Penasihat

Bahagian Eropah

Jean-François Lelouch
Penolong Ketua Penasihat

Bahagian Asia-Pasifik

Ee Ping Han
Pengarah Perundangan

Pejabat Pematuhan bertanggungjawab ke atas semua aspek pematuhan, untuk menetapkan dan menyemak dasar yang ditetapkan dalam manual ini, dan untuk melaksanakan prosedur yang disusun khusus untuk mencapai dasar ini.

Cara Melaporkan Pelanggaran

Semua pekerja Crown mesti segera melaporkan apa-apa pelanggaran terhadap dasar dan prosedur yang ditetapkan dalam manual ini. Mana-mana pekerja Crown yang melaporkan

sesuatu pelanggaran terhadap dasar atau prosedur ini secara suci hati tidak boleh tertakluk kepada hukuman atau balasan dalam apa-apa bentuk.

Setiap pekerja yang memaklumi tentang sesuatu pelanggaran terhadap dasar atau prosedur pematuhan mempunyai tiga cara untuk melaporkannya: (1) kepada penyelia (2) kepada pengurus kilang atau yang bersamaan atau (3) kepada Pejabat Pematuhan.

Setiap pekerja hendaklah melaporkan dahulu tentang sesuatu pelanggaran kepada penyelia. Jika mana-mana pekerja yang berasa teragak-agak dalam apa-apa cara tentang melaporkan pelanggaran tersebut kepada penyelia (contohnya, jika penyelia terlibat secara peribadi dalam pelanggaran tersebut) pekerja boleh melaporkan kebimbangan tersebut kepada pengurus kilang atau kepada Pejabat Pematuhan. Dalam apa-apa keadaan, pekerja yang membuat laporan secara suci hati tidak boleh dihukum atau diberikan tindakan balas kerana membuat laporan tersebut.

Untuk melaporkan pelanggaran yang disyaki kepada Pejabat Pematuhan Crown, pekerja boleh sama ada menulis atau menelefon Pegawai Pematuhan yang berikut:

Adam Dickstein
Crown Holdings, Inc.
770 Township Line Road
Yardley, PA 19067
800-523-3644 Samb. 5576
adam.dickstein@crowncork.com

Michael Rowley
Crown Holdings, Inc.
770 Township Line Road
Yardley, PA 19067
800-523-3644 Samb. 3756
mike.rowley@crowncork.com

Jean-François Lelouch
CROWN Europe
7 rue Emmy Noether
93400 Saint-Ouen, Perancis
+33 1 49184081
jean-francois.lelouch@eur.crowncork.com

Ee Ping Han
CROWN Asia Pacific Holdings Pte. Ltd.
1 HarbourFront Place #03-01
HarbourFront Tower One
Singapore 098633
+65 6423 9888
ee-ping.han@crowncork.com.sg

Selain itu, apa-apa aduan berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau hal-hal pengauditan hendaklah dimaklumkan juga kepada Pegawai Pematuhan Crown di alamat atau nombor telefon yang disenaraikan di atas.

Apa-apa aduan yang sedemikian boleh diserahkan secara sulit dan tanpa nama.

Jika anda berada di Amerika, anda juga boleh melaporkan sebarang pelanggaran melalui Talian Etika Perniagaan Crown ("Talian CBE") yang ditadbir oleh pembekal pihak ketiga yang bebas, Lighthouse Services. Laporan yang dibuat melalui Talian CBE akan kekal tanpa nama atas permintaan, tertakluk pada undang-undang yang terpakai. Untuk mengakses Talian CBE, lihat www.lighthouse-services.com/crowncork.

(Talian CBE dijangka tersedia di lokasi Crown di Asia Pasifik dan Bahagian Eropah pada awal tahun 2022).